

Tabung pelaburan Cina perlu wujud — Datuk Neo

KUALA LUMPUR, Ahad — Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, mengarahkan Majlis Perhubungan Masyarakat Cina (CCLC) menubuhkan Tabung Pelaburan Cina untuk mencontohi tabung pelaburan Bumiputera melalui Tabung Haji atau Permodalan Nasional Berhad.

Ketika merasmikan Konvensyen MCA Selangor, hari ini, Datuk Dr Neo menegaskan kaum Cina perlu mempunyai tabung pelaburan sendiri bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam bidang yang terbuka luas sekarang.

CCLC akan membincangkan isu itu pada 6 Oktober.

Sambil disambut oleh tepuk gemuruh dari perwakilan, Datuk Dr Neo menegaskan tabung ini, jika dilancarkan, akan dibuka kepada se-

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

mua kaum Cina.

Menurutnya, jika PNB boleh mengumpulkan \$10 juta sebulan dari kutipan hanya \$10 seorang, MCA tidak nampak mengapa kaum Cina tidak boleh berbuat demikian untuk "memastikan setiap individu Cina dapat melaburkan wangnya secara berterusan, di samping menyertai peluang pelaburan yang dibuka oleh Kerajaan sekarang."

Dengan wang itu, tambahnya, dapatlah kaum Cina menceburkan diri dalam pelaburan di bawah konsep pengswastaan.

Di majlis yang sama juga, Datuk Dr Neo menyelar sikap pemimpin DAP yang memecah-belahkan perpaduan kaum Cina kerana kepentingan politik.

Katanya, DAP patut ingat setiap kerusi yang dimenangnya merugikan perpaduan kaum Cina dan mengurangkan kesan politik kaum Cina sendiri.

Datuk Dr Neo berpendapat, adalah perlu bagi DAP memikirkan kepentingan jangka panjang kaum Cina kerana MCA sendiri tidak percaya dengan kepentingan politik jangka pendek.

"DAP hendaklah menghentikan slogan politik yang hanya menguntungkan mereka sendiri kerana tindakan itu akan merugikan kekukuhan politik kaum Cina," ujarnya.

Datuk Dr Neo seterusnya menegaskan MCA akan terus melaksanakan dasar politik sederhana, sejajar dengan kepemimpinan negara sekarang.

"Dasar ini pragmatik dan realistik bagi menghadapi masalah yang kita hadapi sekarang," ujarnya.

Beliau juga menggesa anggota-anggota MCA, menghadapi cabaran besar dari luar dan "jangan membazirkan tenaga menghadapi pergolakan dalam parti."